



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KAMPUNG ANGKAT MADANI KKR NANGA ENGKUAH BAGI TINGKATKAN AKSES DAN KESELAMATAN PENDUDUK

ULU KATIBAS, SONG - SARAWAK – YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia merangkap Ahli parlimen P.215 Kapit hari ini telah merasmikan dan menyaksikan Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI Kementerian Kerja Raya (KKR) 2024 di Ulu Katibas. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha (KSU), KKR, YB ADUN Katibas, Residen Kapit, Pegawai Daerah Kapit serta wakil rakan strategik dan komuniti setempat.

2. Rumah Panjang Nanga Engkuah telah dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI (KAM) di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR), selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2024 yang menekankan usaha kerajaan memfokuskan pembangunan kawasan luar bandar dengan liputan kemudahan asas di bawah 50%.

3. Terletak kira-kira 50 kilometer dari Pekan Song, akses ke perkampungan ini kini boleh dicapai melalui jalan darat menggunakan laluan bekas jalan balak yang mencabar, sebagai alternatif kepada perjalanan sungai yang sebelum ini memakan masa sekitar tiga (3) jam menggunakan bot. Nanga Engkuah merangkumi tiga rumah panjang (Rh) iaitu Rh Assan, Rh Radiah dan Rh Albert Lajong.

4. Di bawah inisiatif KAM KKR 2024, empat (4) projek fizikal telah berjaya disiapkan, meliputi:

- Pembinaan dua (2) jambatan pejalan kaki baharu yang menghubungkan ketiga-tiga Rh;
- Pemasangan lampu solar;
- Naik taraf pondok menunggu di jeti; dan
- Naik taraf laluan pejalan kaki yang menghubungkan tiga (3) rumah panjang.

5. Meskipun berdepan kekangan masa serta cabaran logistik (pengangkutan bahan binaan), tenaga kerja dan operasi, kesemua projek berjaya disiapkan sepenuhnya. Kejayaan ini mencerminkan komitmen KKR dalam memastikan penambahbaikan infrastruktur asas dapat dilaksanakan secara berkesan untuk manfaat rakyat.

6. Pelaksanaan projek ini memberi impak signifikan kepada penduduk Nanga Engkuah. Pembinaan jambatan pejalan kaki baharu amat kritikal memandangkan struktur lama berada dalam keadaan uzur dan merupakan laluan utama antara rumah-rumah panjang. Pemasangan lampu solar pula sangat diperlukan bagi menyediakan pencahayaan yang lebih selamat dan selesa pada waktu malam di kampung yang masih tidak mempunyai sistem pencahayaan teratur.

7. Secara keseluruhannya, Projek KAM KKR 2024 ini telah berjaya meningkatkan keselamatan pergerakan harian, memudahkan aktiviti ekonomi dan sosial, menyokong penyediaan infrastruktur asas yang mampan serta memperkukuh kesejahteraan penduduk untuk jangka panjang. KKR optimis bahawa inisiatif ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan perpaduan yang lebih holistik dan setara bagi komuniti pedalaman, selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memastikan tiada rakyat yang terpinggir di bawah payung Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

7 DISEMBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIBekerja